

Ramai selesa tinggal berhampiran individu berlainan agama

Berita Harian, Mar 29, 2019

LEBIH 70 peratus responden merasakan bahawa individu dengan latar belakang agama yang berbeza boleh menetap berhampiran satu sama lain dalam harmoni, memaparkan sokongan kukuh terhadap keharmonian berbilang kaum dan agama.

Dapatan Kertas Kerja Institut Kajian Dasar (IPS) mengenai Agama di Singapura: Lingkungan Awam dan Privet menunjukkan bahawa apabila ditanya sama ada benar individu dari latar belakang agama berbeza tidak serasi apabila menetap berhampiran dengan satu sama lain, seramai 72.7 peratus tidak bersetuju.

Tinjauan tersebut bertujuan mengukur pandangan responden terhadap keharmonian berbilang agama dalam masyarakat Singapura dan menunjukkan tahap yang tinggi di Singapura.

Namun pandangan tersebut berbeza berdasarkan latar belakang agama responden.

Penganut agama Kristian dan Islam membentuk bahagian terbesar yang menyatakan bahawa mereka tidak setuju dengan kenyataan tersebut.

Sekitar 78 peratus responden Muslim dan 83.4 peratus Kristian menzahirkan rasa tidak setuju atau tidak setuju sama sekali, berbanding 63.6 peratus penganut Hindu dan 64.5 peratus mereka yang tidak menganut sebarang agama.

Pandangan responden terhadap enam golongan masyarakat di Singapura - Kristian, Muslim, Hindu, Buddha, Yahudi, dan ateis atau mereka yang tidak beragama - turut direkodkan.

Penganut agama Kristian dan Buddha dilihat secara positif oleh semua responden, namun laporan tersebut turut menekankan ini mungkin kerana penganut kededua agama itu kebanyakannya dari masyarakat Cina, dan majoriti responden turut berbangsa Cina.

Seramai 57.8 peratus responden melihat penganut agama Hindu secara positif, diikuti penganut agama Islam (56.5 peratus) masyarakat Yahudi (54.5 peratus) dan golongan ateis atau mereka yang tidak beragama (53.8 peratus).

Dapatan tersebut adalah berdasarkan data Singapura hasil Penyelidikan Program Kajian Sosial Antarabangsa berkaitan Agama yang dilakukan tahun lalu ke atas pelbagai negara.

Pandangan seramai 1,800 warga Singapura dikumpulkan melalui tinjauan tersebut, di mana mereka ditanyakan soalan mengenai kepercayaan agama, tahap keagamaan dan peranan agama dalam lingkungan awam dan privet.